

ABSTRAK

Kamus Dewan Edisi Keempat (KD4) merupakan Kamus Ekabahasa Melayu terbaharu terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Selain kata jati bahasa Melayu, kamus ini juga banyak merakamkan entri kata serapan bahasa asing seperti bahasa Arab yang dilabelkan 'Ar'. Kata serapan biasanya tidak akan lari daripada penyempitan, perluasan mahupun penyimpangan makna sebenarnya dalam bahasa asalnya. Oleh itu, kajian yang dilakukan ini lebih tertumpu pada aspek ketepatan makna Melayunya berbanding makna asalnya dalam bahasa Arab dengan menggunakan *al-Mu'jam al-Wasit* sebagai rujukan utama dalam pepadanan dan penyemakan makna asalnya dalam bahasa Arab selain penggunaan Sistem Korpus Dewan Bahasa dan Pustaka. Hanya entri 'Ar' yang membawa maksud keagamaan sahaja yang dipilih untuk dianalisis.

Penyempitan dan perluasan serta perluasan makna banyak berlaku pada entri yang dikaji. Makna kata yang dipinjam daripada kata asalnya tidak diambil sepenuhnya. Kebanyakan makna yang diambil berupa makna khusus tidak bagi makna umum. Tetapi ada juga kata yang khusus yang dipinjam diberikan makna yang lebih umum daripada kata asalnya. Analisis mendapati bahawa sejumlah 311 daripada 441 entri agama yang berlabel "Ar" mempunyai makna yang tepat berbanding padanan kata asalnya. Sebanyak 18.6 % atau 82 entri pula mempunyai makna yang hampir tepat. Analisis kategori akhir pula mendapati bahawa sebanyak 47 entri sahaja atau 10.7% daripada entri yang dikaji mempunyai makna yang tidak tepat berbanding kata asal Arabnya.

ABSTRACT

Kamus Dewan (KD4) is the latest issue of Dewan Bahasa dan Pustaka Malay monolingual dictionary. Beside the native Malay words, the dictionary also records a great number of entries of loan words from foreign languages such as Arabic, which is labeled 'Ar'. The loan words normally do not deviate from the narrowing, extension or variation in its actual meaning. As such, the study done is more focused on the aspects of accuracy of the Malay meaning than its original meaning in Arabic with al-Mu‘jam al-Wasit as a key reference in comparing and checking of its original meaning in Arabic besides the use of Dewan Bahasa dan Pustaka Corpus System. Only the 'Ar' entry which denotes the religious sense is selected for analysis.

A lot of narrowing and extension of meaning occurred in the entries that were studied. Meaning of words that were borrowed from the original was not taken in total. Most meanings taken were specific meanings rather than generic meanings. However, there are also specific words that were borrowed were given more generic meaning as compared to the original words. From analysis, it was found that a total of 311 out of 441 religious entries that were labeled “Ar” have accurate meaning compared to the original words. About 18.6% or 82 entries have meanings that are almost accurate. For the last category that was analyzed, it was found that 47 entries or 10.7% of all the entries that were studied did not have accurate meaning compared to original Arabic words.